

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 5 / 10 / 2010

## Shafie: Tak wajar sifatkan Dr. M pemimpin tersungkur

UM-5/10/2010

ALOR SETAR 4 Okt. – Tidak wajar sebagai seorang rakyat negara ini menyifatkan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan negarawan ulung sebagai 'individu yang sedang tersungkur'.

Menurut Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal, sepatutnya semua rakyat tanpa mengira fahaman politik mendoakan

kesejahteraan dan kesihatan bekas Perdana Menteri itu atas dasar kemanusiaan.

"Sekurang-kurangnya kita selaku manusia, seorang tokoh yang banyak berjasa kepada bangsa dan negara kita doakan (kesihatannya), dan bukannya nyatakan sesuatu yang tidak baik," katanya kepada pemberita selepas majlis Rumah

Terbuka Aidilfitri Barisan Nasional (BN)/UMNO negeri di perkarangan Bangunan Tunku di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kenyataan calon Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Azmin Ali yang mengakui pemimpin yang dirujuk sebagai "tersungkur" di Australia dalam satu ucapannya semalam ialah Dr.

Mahathir.

Malah, Azmin berkata, perkataan tersungkur itu langsung tidak kasar tetapi sebaliknya amat sesuai dirujuk kepada negarawan itu.

Mohd. Shafie yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkata, kenyataan seperti itu tidak seharusnya keluar daripada mulut seorang Ahli Parlimen yang

mendakwa kononnya pemimpin yang baik.

Katanya, sebagai rakyat negara ini seharusnya menghargai kesanggupan Dr. Mahathir yang masih berkhidmat demi kepentingan anak bangsa dan negara pada usia 85 tahun dengan ke luar negara yang antara lain bertujuan menarik kehadiran pelabur ke Malaysia.